| Headline | Bekalan elektrik SMK Ungku Aziz pulih | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 23 Jun 2019 | Language | Malay |
| Circulation | 140,000 | Readership | 420,000 |
| Section | Selangor & KL | Page No | 22 |
| ArticleSize | 178 cm² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 11,321 | | |
| | | | |





# Empat blok sekolah tiada elektrik

*SMK Ungku Aziz alami gangguan bekalan sejak sebulan lalu*

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM

Kementerian Pendidikan digesa menangani segera isu empat blok Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ungku Aziz di sini yang mengalami gangguan bekalan elektrik sejak kira-kira sebulan lalu.

ADUN Sabak, Ahmad Mustain Othman berkata, empat bangunan itu meliputi beberapa kelas pelajar, bilik guru, makmal sains dan koperasi sekolah.

Menurut beliau, difahamkan kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150, 000 bagi kerja membaik pulih sistem pendawaian elektrik utama sekolah berkenaan.

"Saya hairan, kerja pembaikan pendawaian elektrik rosak masih belum dilaksanakan sehingga hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada lawatan mengejut beliau bersama media dan meninjau beberapa blok sekolah berkenaan semalam.

Ahmad Mustain berkata, terdapat rungutan diterima daripada ibu bapa pelajar yang mengadu anak mereka tidak selesa dengan keadaan itu.

Malah, katanya, pelajar yang menduduki peperiksaan penggal kedua sekolah itu sebelum ini terpaksa menahan kepanasan.

"Kita mohon kerja pembaikan ini dilaksanakan segera dan jangan ditangguh terlalu lama hingga menyusahkan semua pihak," katanya.

Menurutnya, punca sebenar gangguan bekalan elektrik itu dipercayai disebabkan sistem pendawaian elektrik gagal berfungsi dengan sempurna.

"Apa lebih penting keselamatan pelajar perlu diberi keutamaan bagi mengelakkan keadaan kebakaran serta insiden tid... lain," katanya.

Ahmad Mustain meninjau keadaan sebuah kelas di SMK Ungku Aziz yang mengalami gangguan bekalan elektrik sejak sebulan lalu.

**Laporan Sinar Harian 15 Jun.**

# Bekalan elektrik SMK Ungku Aziz pulih

**SABAK BERNAM** - Gangguan bekalan elektrik di empat blok Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ungku Aziz sudah dibaik pulih.

Ahli Dewan Undangan Negeri Sabak, Ahmad Mustain Othman gembira kerana pihak bertanggungjawab segera menyelesaikan isu itu.

"Terima kasih kepada semua yang terlibat terutama sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB)," katanya melalui status Facebooknya semalam.

Ahmad Mustain turut memberi penghargaan kepada pengetua dan pengawal keselamatan yang bekerjasama membolehkan beliau memasuki kawasan sekolah itu walaupun sudah lewat malam.

*Sinar Harian* pada 15 Jun lalu melaporkan Kementerian Pendidikan digesa menangani segera isu empat blok SMK Ungku Aziz yang mengalami gangguan bekalan elektrik kira-kira sebulan lalu.

Empat bangunan itu meliputi beberapa kelas pelajar, bilik guru, makmal sains dan koperasi sekolah.

Difahamkan kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM150, 000 bagi kerja membaik pulih sistem pendawaian elektrik sekolah berkenaan.

Powered by: iSENTIA